

**Penerimaan Unsur Tradisi: Penerokaan Anteseden Berkaitan Serta
Hubungannya Dengan Penghayatan Terhadap Perlembagaan Persekutuan**
(*Acceptance of Traditional Elements: An Exploration of Related Antecedents and its
Relationship with the Internalisation of the Federal Constitution*)

Mohd. Rusydi Azfar

Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Nazri Muslim

Pusat Pengajian Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Mashitoh Yaacob

Pusat Pengajian Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ABSTRAK

Unsur tradisi yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia terdiri daripada agama persekutuan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa bumiputera serta institusi Raja-raja. Menurut Dasar Perpaduan Negara 2021, penerimaan terhadap keempat-empat perkara tersebut adalah penting dalam pembentukan tapak integrasi bagi perpaduan. Justeru kajian ini meneroka anteseden yang dapat membawa kepada penerimaan unsur tradisi berdasarkan kepada kajian terdahulu sebagai panduan. Dalam hal ini, kaedah yang digunakan adalah dengan membangunkan cadangan kerangka kajian yang turut melibatkan item-item bagi setiap konstruk. Kerangka kajian ini mencadangkan tiga anteseden yang dikenal pasti dapat membawa kepada penerimaan unsur tradisi iaitu pengetahuan, kefahaman dan kepercayaan. Selain itu, penerimaan unsur tradisi juga berperanan sebagai pengantara yang dapat membawa kepada penghayatan terhadap unsur tradisi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, senarai item bagi setiap konstruk di dalam kerangka kajian ini diuji keabsahannya menerusi analisis menggunakan kaedah konsistensi dalaman iaitu Cronbach Alpha melibatkan kumpulan responden yang telah dipilih sebagai sampel kajian iaitu penjawat awam.

Kata kunci: Perlembagaan Persekutuan Malaysia; Unsur Tradisi; Kontrak Sosial; Perpaduan Negara

ABSTRACT

The Federal Constitution of Malaysia incorporates traditional elements such as the religion of the federation, the national language, the special position of natives and the institution of the Malay rulers. According to the National Unity Policy 2021, acceptance of the four traditional elements is essential in the formation of an integration platform for unity. Therefore, this study explores related antecedents that can lead to the acceptance of traditional elements based on previous studies as a guide. The method used is a development of a proposed research framework involving items for each constructs. This research framework suggests three identified antecedents which can lead to the acceptance of traditional elements, namely knowledge, understanding and belief. In addition, acceptance of the traditional elements also acts as a mediator that can lead to an internalisation of traditional elements enshrined in the Federal Constitution. Therefore, the list of items for each construct within the framework of

this study was tested for validity through analysis using the internal consistency method, namely Cronbach's Alpha, involving a group of respondents that had been selected as a sample namely civil servants.

Keywords: *Federal Constitution of Malaysia; Traditional Elements; Social Contract; National Unity*

PENGENALAN

Dasar Perpaduan Negara (DPN) merupakan dasar yang telah digubal dan dilancarkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2021 bertujuan untuk memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan menerusi pelaksanaan strategi-strategi khusus yang telah dirancang. DPN 2021 telah dirangka berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai panduan utama. Walaupun Perlembagaan Persekutuan mengandungi pelbagai peruntukan yang terkandung didalamnya, dokumen DPN 2021 menyatakan terdapat lima perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan yang berperanan dalam pembentukan tapak integrasi. Tapak integrasi merupakan satu ruang abstrak dan nyata yang memberi ruang kepada pelbagai kelompok masyarakat yang mempunyai latar belakang berbeza untuk bertemu dan mencari kesepakatan (Muslim et al. 2021). Menurut Aboo Talib @ Khalid dan Shamsul (2020), Perlembagaan Persekutuan merupakan suatu bentuk tapak integrasi bagi mengekalkan keamanan negara iaitu menerusi tolak ansur yang telah diterima secara perundangan oleh pemimpin, rakyat dan negara secara keseluruhan. Penerimaan terhadap perkara-perkara asas yang berperanan dalam pembentukan tapak integrasi ini melibatkan lima peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

JADUAL 1 Perkara-perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi menurut DPN 2021

Perkara	Penerangan
Perkara 3(1)	Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.
Perkara 152(1)	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, namun bahasa ibunda etnik lain boleh diajar dan digunakan.
Perkara 153	Kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak diiktiraf, namun kepentingan etnik lain juga dilindungi.
Perkara 181	Kedaulatan Raja-raja Melayu dijunjung.
Bahagian III	Hak kewarganegaraan diberikan kepada mereka yang mempunyai kelayakan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Sumber: Dokumen DPN 2021

Menurut Yaakop dan A. Aziz (2014), Shamsul (2012), Faruqi (2012), Ahmad (2009), Bari (2008) serta Azlan Shah (2004), kelima-lima perkara asas seperti di atas merupakan suatu kontrak sosial iaitu terjemahan bagi persefahaman dan kesepakatan menerusi proses tolak ansur yang telah dicapai oleh tiga etnik utama sewaktu Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Ia melibatkan penganugerahan kewarganegaraan kepada etnik-etnik imigran menerusi konsep *jus soli* yang ditimbulkan dengan penerimaan balas beberapa syarat utama yang meliputi perkara-perkara berkaitan perlindungan dan penjagaan status dan hak etnik Melayu selaku penduduk asal (Ahmad Sabri 2014; Harding 2012). Menurut Abas (1985), agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan pemerintahan beraja

merupakan unsur tradisi yang menjadi sebahagian daripada kontrak sosial. Ia melibatkan perkara-perkara yang telah lama diamalkan sebelum era penjajahan British di Tanah Melayu. Perkara-perkara tersebut telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan oleh Suruhanjaya Reid setelah mengambil kira aspek sejarah, tradisi dan warisan penduduk di Tanah Melayu (Abd Khalid et al. 2021).

Menurut Ramli (2015), unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu yang berkaitan dengan agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa bumiputera di samping hak kerakyatan amat signifikan dalam mempengaruhi hubungan antara etnik kerana konflik boleh tercetus sekiranya persetujuan dalam Perlembagaan Persekutuan ini dimungkirkan, dipersoalkan, ingin dirombak kembali atau gagal dilaksanakan dengan berkesan. Kenyataan tersebut dapat dibuktikan berdasarkan kepada beberapa insiden melibatkan unsur tradisi yang telah berlaku pada sekitar tahun 2018 hingga 2019 yang lalu. Insiden berkenaan telah menyebabkan ketetapan unsur tradisi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan diperbahaskan oleh masyarakat awam sama ada di media massa mahupun media sosial. Antara insiden yang berlaku adalah seperti berikut:

- Penyiaran kenyataan rasmi kerajaan yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan (Berita Harian 25 Jun 2018).
- Petikan klip video ucapan yang menuduh bahawa orang Melayu adalah pendatang di negara ini (New Straits Times 29 Julai 2018).
- Keputusan untuk mengurangkan geran percuma kepada usahawan bumiputera (Utusan Malaysia 14 September 2018).
- Keputusan meratifikasi *Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD)* yang ditegur oleh Raja-raja Melayu sebagai bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan (Utusan Malaysia 23 Mac 2019).
- Cadangan penghapusan pengenalan agama pada Kad Pengenalan (Berita Harian 27 April 2019).

Walaupun tidak terdapat laporan rasmi tentang kesan insiden-insiden yang melibatkan unsur tradisi ini terhadap hubungan antara etnik pada tempoh berkenaan, namun Indeks Perhubungan Masyarakat (IPM) bagi tahun 2019 yang dibandingkan dengan tahun 2018 telah menunjukkan wujudnya peningkatan ketegangan, namun masih tidak melebihi paras *baseline* 2.2 dari skala 4.0 sebagai ukuran keharmonian masyarakat. Indeks berkenaan dijelaskan menerusi jadual di bawah:

JADUAL 2. Indeks Perhubungan Masyarakat (IPM) Bagi Tahun 2018 dan 2019

Skor	Tahun	
	2018	2019
Skor Masyarakat	1.59	1.68
Skor Individu	1.51	1.55

Sumber: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)

Insiden-insiden melibatkan unsur tradisi yang dilakukan oleh ahli parlimen dan mantan anggota-anggota pentadbiran kerajaan seperti di atas telah membenarkan pandangan Bari (2008) bahawa kebanyakan ahli parlimen tidak mempunyai kesedaran tinggi tentang keperluan ketentuan Perlembagaan Persekutuan dipatuhi dan ia berlaku disebabkan oleh kejahilan pengetahuan mengenai peruntukan atau prinsip perlembagaan serta keutamaan ideologi politik yang mengatasi perlembagaan. Pada masa yang sama, beliau turut melepaskan kritikan kepada penjawat awam kerana kejahilan untuk memahami Perlembagaan Persekutuan turut

wujud sedangkan merekalah yang sepatutnya menjadi pelindung kepada perkara-perkara yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Kritikan mengenai kurangnya pengetahuan terhadap Perlembagaan Persekutuan yang ketara dalam kalangan penjawat awam dan ahli parlimen turut ditegaskan oleh Faruqi (2012) sedangkan menurut beliau, pengetahuan mengenai perlembagaan merupakan prasyarat untuk menjadi seorang warganegara yang baik dan dapat membantu usaha untuk menyederhanakan ekstremisme.

Selain daripada masalah kejahilan pengetahuan terhadap Perlembagaan Persekutuan, kefahaman terhadap peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam perlembagaan turut menjadi satu isu. Menurut Bari (2008), Perlembagaan Persekutuan perlu difahami mengikut konteksnya yang sebenar tanpa dipengaruhi oleh sebarang kecenderungan politik. Dalam hal ini, beliau menegaskan bahawa bidang konstitusionalisme merupakan suatu cabang pengajian undang-undang yang khusus, tersendiri dan unik. Sehubungan itu, dokumen perlembagaan tidak boleh dibaca sebagaimana dokumen kontrak atau memorandum persefahaman kerana cara memahami perlembagaan adalah tidak sama dengan cara memahami masalah dalam bidang undang-undang yang lain seperti kontrak, jenayah, keluarga dan seumpamanya.

Masalah kurangnya kefahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat awam, tetapi menurut Bari (2001), ia turut terjadi dalam kalangan mereka yang berlatarbelakangkan bidang undang-undang sendiri. Beliau menegaskan bahawa masalah akan berlaku sekiranya undang-undang termasuklah Perlembagaan Persekutuan difahami dalam konteks yang berbeza kerana ia akan menghasilkan tafsiran yang tidak masuk akal. Malah dalam keadaan yang ekstrem, kefahaman yang salah akan menentang semangat dan falsafah sesuatu undang-undang itu sendiri. Masalah kemudian akan berlarutan sekiranya kefahaman yang tidak tepat ini disebarkan pula kepada orang awam bagi menghuraikan sesuatu isu dan persoalan yang berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan (Bari 2005). Sedangkan menurut Muslim (2020), adalah penting masyarakat diberikan kefahaman terhadap rasional peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan agar mereka lebih mudah untuk menerima unsur tradisi. Beliau turut menyatakan memaksa masyarakat untuk menerima sesuatu perkara tanpa penjelasan yang rasional boleh menyebabkan mereka menentang perkara tersebut.

Selain daripada masalah pengetahuan dan kefahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan, satu lagi aspek yang jarang disentuh adalah berkenaan kepercayaan terhadap peruntukan berkaitan unsur tradisi yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, unsur tradisi yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dianggap menjadi sebahagian daripada kontrak sosial di Malaysia. Namun menurut Balasubramaniam (2018), kontrak sosial menjadi isu di Malaysia kerana wujud dua bentuk kepercayaan yang berbeza dalam menafsirkan pelaksanaannya. Beliau menggunakan dua istilah iaitu etnokrat dan liberal bagi membezakan kedua-dua kepercayaan berkenaan. Punca perbezaan kewujudan kedua-dua kepercayaan berkenaan menurut Balasubramaniam (2018) adalah disebabkan oleh dua perkara. Perkara pertama berkaitan dengan persoalan mengenai kedudukan etnik Melayu selaku bumiputera di Malaysia berdasarkan tafsiran sejarah. Manakala yang kedua berkaitan dengan tujuan asal penggubalan beberapa perkara yang melibatkan unsur tradisi sewaktu Perlembagaan Persekutuan dirangka.

Berhubung dengan persoalan mengenai kedudukan etnik Melayu selaku bumiputera di Malaysia, golongan etnokrat dan liberal mempunyai tafsiran sejarah yang berbeza berkenaan dengan hal tersebut. Berdasarkan lensa etnokrat, golongan ini melihat negara Malaysia khususnya semenanjung asalnya bernama Tanah Melayu dan merupakan tanahair bagi etnik Melayu. Justeru, mereka mempercayai bahawa etnik Melayu merupakan anak watan di negara ini. Kepercayaan tersebut telah mewajarkan ideologi ketuanan Melayu dalam kalangan

golongan etnokrat yang menekankan kepada hegemoni etnik Melayu dalam aspek politik dan pemerintahan negara.

Golongan etnokrat juga berpegang kepada fakta bahawa kehadiran imigran khususnya dari tanah besar China dan India dalam skala yang besar adalah hasil daripada dasar penjajahan British. Sebagai pertukaran kepada penganugerahan lebih satu juta kewarganegaraan kepada imigran bukan Melayu sewaktu kemerdekaan, mereka mesti mengiktiraf kedudukan etnik Melayu sebagai bumiputera. Perkara tersebut merupakan kontrak sosial yang disokong oleh tokoh negarawan terdahulu pada era pra-kemerdekaan yang didakwa turut mempunyai kepercayaan etnokrat. Justeru, golongan etnokrat mendakwa penggubalan Perlembagaan Persekutuan menyokong pemerintahan etnokratik.

Walau bagaimanapun, golongan liberal telah membidas pandangan golongan etnokrat kerana mereka percaya bahawa kedudukan orang Melayu sebagai bumiputera bukanlah suatu kebenaran mutlak sebaliknya hanya kumpulan etnik-etnik Orang Asli sahaja yang berhak untuk menuntut kedudukan sebagai pribumi di Semenanjung Tanah Melayu. Selain itu, golongan liberal juga berpendapat bahawa idea etnokratik telah mengabaikan sumbangan masyarakat bukan Melayu yang sangat besar kepada pembangunan politik dan ekonomi Malaysia. Hegemoni orang Melayu ke atas bukan Melayu dalam aspek politik pula didakwa telah menjadikan masyarakat bukan Melayu sebagai warga kelas kedua yang tidak sama tarafnya dengan orang Melayu. Golongan liberal turut menghujahkan bahawa prinsip asas pembentukan negara Malaysia adalah berasaskan kepada cita-cita kewarganegaraan yang bebas dan sama rata. Justeru golongan liberal menyatakan bahawa para negarawan terdahulu yang terlibat dalam kemerdekaan dan pembentukan negara adalah terdiri daripada pelbagai etnik dan dalam usaha mewujudkan rangka kerja perlembagaan, mereka didakwa telah menunjukkan aspirasi liberal.

Namun demikian, golongan etnokrat dan liberal mempunyai satu persamaan iaitu kedua-dua golongan ini menganggap bahawa kepatuhan terhadap kontrak sosial dan Perlembagaan Persekutuan merupakan satu keperluan dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian bagi mengelakkan ketidakstabilan hubungan antara etnik. Namun etnokrat menyatakan ia dapat dicapai dengan mewajibkan pemerintahan etnokratik, manakala liberal pula menyatakan ia dapat dicapai dengan mewajibkan pemerintahan liberal. Kesannya menurut Balasubramaniam (2018) adalah golongan etnokrat dan liberal mempunyai kepercayaan yang berbeza berhubung kedudukan dan pelaksanaan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya yang berkaitan dengan agama persekutuan dan kedudukan istimewa bumiputera.

Kedudukan dan pelaksanaan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan yang dianggap sebagai kontrak sosial seringkali menjadi polemik, konflik dan kontroversi sehingga kini kerana terdapat etnik bukan Melayu yang merasakan bahawa kewujudan unsur tradisi ini menyebabkan sistem yang sedia ada menjadi tidak demokratik (Muslim 2020). Perkara ini dibuktikan menerusi kajian yang dijalankan oleh Muda et al. (2022) yang mendapati penerimaan terhadap kontrak sosial adalah berbeza mengikut etnik. Dapatan kajian tersebut mendapati etnik Melayu lebih cenderung untuk menerima atau bersikap positif terhadap perbincangan mengenai kontrak sosial, manakala etnik bukan Melayu pula menerimanya dengan sikap bercampur baur serta lebih mudah beremosi dan mengaitkannya dengan politik perkauman yang melibatkan isu integriti, rasuah dan ketidaktelusan. Hal ini adalah kerana menurut Muslim et al. (2012), orang Melayu menganggap kontrak sosial sebagai sesuatu yang suci, sedangkan orang bukan Melayu pula menganggap kontrak sosial terikat dengan masa lalu dan tidak lagi relevan pada masa kini.

Justeru Yaakop dan A. Aziz (2014) telah menimbulkan persoalan sama ada generasi pada hari ini mengakui kewujudan kontrak sosial yang melibatkan unsur tradisi dan menjadi

asas kepada pembentukan negara. Menurut Jalil (2007), karisma pemimpin pada masa dahulu berkemungkinan menjadi asas bagi keabsahan sesuatu undang-undang, namun masyarakat moden pada masa kini memerlukan undang-undang berdasarkan rasional iaitu selaras dengan perubahan yang berlaku. Dalam hal ini, Faruqi (2012) menjelaskan bahawa generasi baharu tidak semestinya menghargai rasional di sebalik kompromi asal yang telah dicapai oleh para negarawan terdahulu. Justeru beliau mencadangkan penyelesaian terhadap masalah tersebut adalah dengan meningkatkan tahap literasi terhadap Perlembagaan Persekutuan. Beliau turut menegaskan menerusi peningkatan tahap pengetahuan dan kefahaman terhadap perlembagaan, masyarakat dapat mempelajari bahawa perpecahan boleh berlaku bukan disebabkan oleh perbezaan yang wujud, tetapi kerana ketiadaan toleransi terhadap perbezaan yang ada.

Sehubungan itu, sewajarnya persoalan mengenai literasi melibatkan unsur tradisi yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dijalankan dalam kalangan penjawat awam. Hal ini adalah kerana menurut Zainal (2016), anggota perkhidmatan awam pada hari ini majoritinya adalah terdiri dalam kalangan generasi muda yang membentuk sebahagian besar penjawat awam di Malaysia. Beliau turut menyatakan generasi muda inilah yang kelak akan mengisi kekosongan jawatan yang ditinggalkan oleh para penjawat awam yang akan bersara dan seterusnya mendaki tangga kepimpinan jawatan-jawatan utama yang lebih tinggi di pelbagai kementerian dan jabatan. Menurut Bari (2016), tugas penjawat awam lebih banyak mempengaruhi perjalanan perlembagaan dan mempunyai kesan langsung kepada perlembagaan. Justeru perkhidmatan awam berperanan dalam memastikan asas dan struktur Perlembagaan Persekutuan terus kekal walau apa jua ideologi parti politik yang membentuk kerajaan agar tidak mengganggu kestabilan dan kualiti perkhidmatan kepada rakyat (Bari 2008).

Menurut Bari (2005), walaupun kerajaan yang memerintah berhak untuk membuat apa-apa dasar dalam mengemudi hala tuju negara, namun ia tidak seharusnya membelakangi Perlembagaan Persekutuan sebaliknya perlu mematuhi dan beroperasi mengikut kehendak perlembagaan. Beliau turut menyatakan sekiranya perkara tersebut tidak dipatuhi, ia boleh menyebabkan perlembagaan berubah setiap kali berlaku perubahan kerajaan dan perkara tersebut menyalahi semangat asal demokrasi *westminster* yang menetapkan bahawa kerangka perlembagaan akan kekal walau siapa jua yang memerintah. Kegagalan untuk mempertahankan Perlembagaan Persekutuan juga akan menyebabkan timbulnya pelbagai krisis yang seterusnya boleh menyebabkan kestabilan negara tergugat (Jalil 2007).

Perkara di atas jelas menunjukkan kepentingan Perlembagaan Persekutuan yang bukan sahaja perlu diterima, tetapi juga perlu dihayati oleh semua rakyat khususnya generasi muda pada hari ini (Muslim 2020). Penghayatan terhadap setiap peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan pula hendaklah bersandarkan kepada sejarah, budaya dan amalan negara ini (Abd Khalid et al. 2021). Dalam hal ini, semua etnik perlu mempunyai komitmen untuk menghayati keluhuran perlembagaan kerana ia merupakan garis panduan utama bagi membolehkan pelbagai etnik yang berbeza untuk hidup secara muhibah dan seterusnya dapat menyokong aspirasi perpaduan nasional (Ahmad 2001). Khusus kepada penjawat awam pula, penghayatan mendalam terhadap aspirasi Perlembagaan Persekutuan hendaklah dikekalkan agar sebarang pelaksanaan program negara tidak tersasar dari prinsip asas perlembagaan serta tidak menyalahi tafsiran peruntukannya yang sebenar (Deraman 2005).

KAJIAN LITERATUR

KERANGKA KAJIAN

Kajian berkenaan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan yang dilaksanakan menerusi pendekatan kuantitatif telah dimulakan oleh Muslim (2020). Hasil kajian berkenaan telah menjelaskan aspek pengetahuan, kefahaman serta penerimaan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan institusi Raja-raja (Muslim 2015) serta peruntukan-peruntukan lain yang berkaitan dengan etnik Melayu serta agama Islam (Muslim et al. 2013; Muslim et al. 2012b; Muslim et al. 2012c; Muslim 2012). Kajian tersebut dilaksanakan dengan mengambil responden dalam kalangan pelajar di empat buah universiti tempatan yang berbeza. Para pelajar yang menjadi responden bagi kajian-kajian berkenaan mempunyai ciri-ciri demografi yang berlainan iaitu dari segi jantina, etnik, agama, taraf pendidikan dan tempat kediaman. Hasil dapatan kajian-kajian berkenaan adalah berdasarkan kepada laporan sendiri responden yang terlibat.

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, Muslim (2020) mendapati terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap pengetahuan dan kefahaman dengan tahap penerimaan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan kerana pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman yang tinggi akan turut mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, kajian berkenaan adalah berbentuk deskriptif dan tidak menyediakan sebarang model penyelidikan bagi menjelaskan perhubungan antara pengetahuan, kefahaman dan penerimaan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, model perhubungan antara pengetahuan, kefahaman, penerimaan dan kepercayaan yang dibangunkan oleh Smith dan Siegel (2016) dapat digunakan sebagai panduan.

Kajian Smith dan Siegel (2004) pada asalnya membincangkan aspek pengetahuan, kefahaman dan kepercayaan dalam bidang pendidikan. Kajian mereka menekankan kepada aspek kefahaman di samping pengetahuan sebagai tujuan utama bidang pendidikan. Secara umumnya, apabila pelajar dididik dengan pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu perkara, mereka akan turut mempercayai perkara tersebut. Namun Smith dan Siegel (2004) mendapati bahawa walaupun pelajar dididik dengan pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu perkara, masih terdapat kemungkinan mereka mempunyai kepercayaan yang bertentangan terhadap perkara yang diajar. Hal ini adalah kerana aspek pengetahuan melibatkan perkara yang berbentuk objektif dan rasional. Manakala kepercayaan pula lebih berbentuk subjektif yang melibatkan perkara-perkara peribadi seperti anutan agama dan pandangan sendiri.

Smith dan Siegel (2016) kemudiannya menekankan bahawa aspek penerimaan terhadap perkara yang diajar merupakan perkara yang perlu diutamakan dalam bidang pendidikan berbanding dengan memfokuskan pertentangan kepercayaan pelajar terhadap perkara yang diajar. Hal ini adalah kerana mereka menyatakan bahawa aspek penerimaan bersifat sukarela dan melibatkan komitmen untuk menerima perkara yang telah diterima secara umum manakala kepercayaan pula tidak dapat digunakan sebagai asas untuk membuat sesuatu kesimpulan atau tindakan. Justeru mereka telah membangunkan model perhubungan antara pengetahuan, kefahaman, penerimaan dan kepercayaan. Berdasarkan kepada model berkenaan, mereka menyatakan bahawa aspek kefahaman dan kepercayaan merupakan dua perkara yang dapat membawa kepada penerimaan.


Berdasarkan model perhubungan antara pengetahuan, kefahaman, penerimaan dan kepercayaan oleh Smith dan Siegel (2016), aspek kepercayaan merupakan konstruk yang tidak terkandung dalam kajian terdahulu berkenaan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan yang dilaksanakan oleh Muslim (2020). Hal ini adalah kerana kajian Muslim (2020) hanya memfokuskan kepada konstruk pengetahuan, kefahaman serta penerimaan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan sahaja. Sehubungan itu, aspek kepercayaan terhadap

unsur tradisi merupakan salah satu konstruk yang dikenal pasti dapat digunakan bersama-sama dengan konstruk pengetahuan, kefahaman dan penerimaan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kajian berkenaan unsur tradisi menerusi pendekatan kuantitatif kemudian telah dikembangkan oleh Muda et al. (2023) yang telah melaksanakan pembinaan kajian indeks pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi Perlembagaan Persekutuan (KIUTPP). Kajian tersebut telah membangunkan senarai item dan skala sah yang dapat digunakan untuk mengukur pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan berdasarkan kepada model KAP (*Knowledge, Attitude, Practice*) sebagai panduan. Kerangka kajian berkenaan yang dibina berdasarkan model KAP menjelaskan bahawa pengetahuan membawa kepada sikap, manakala sikap pula akan membawa kepada amalan atau penghayatan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan kepada instrumen yang dibangunkan dalam kajian tersebut, terdapat tiga konstruk yang terlibat iaitu pengetahuan, sikap dan penghayatan. Senarai item yang terkandung di bawah konstruk sikap adalah melibatkan penerimaan terhadap agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan istimewa bumiputera serta institusi Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan itu, konstruk sikap terhadap unsur tradisi berdasarkan KIUTPP secara umumnya adalah berkaitan dengan penerimaan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Justeru kajian ini telah mengenal pasti lima konstruk yang terlibat dan dapat digunakan bagi mengkaji unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu aspek pengetahuan, kefahaman, kepercayaan, penerimaan dan penghayatan. Berdasarkan kepada dapatan kajian terdahulu yang dijalankan oleh Nazri (2020) dengan berpandukan kepada model perhubungan antara pengetahuan, kefahaman, penerimaan dan kepercayaan oleh Smith dan Siegel (2016), aspek pengetahuan, kefahaman dan kepercayaan merupakan tiga anteseden yang dikenal pasti dapat mempengaruhi aspek penerimaan. Manakala berdasarkan kepada KIUTPP yang dibina oleh Muda et al. (2023), sikap penerimaan terhadap unsur tradisi akan membawa kepada penghayatan. Sehubungan itu, kerangka kajian yang dicadangkan dapat dijelaskan menerusi gambarajah berikut.



RAJAH 1. Kerangka kajian berkenaan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan menerusi penyesuaian dan adaptasi daripada Muda et al. (2023), Muslim (2020) serta Smith dan Siegel (2016)

SENARAI ITEM BAGI KONSTRUK

Bagi menentukan senarai item yang terlibat bagi setiap konstruk yang telah dikenal pasti, kajian-kajian terdahulu berkenaan dengan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan. Menurut APA (2015), pengetahuan dapat didefinisikan

sebagai keadaan mengenali sesuatu atau menyedari kewujudannya yang biasanya terhasil daripada pengalaman atau kajian. Bagi konstruk pengetahuan mengenai unsur tradisi, senarai item berkenaan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan etnik Melayu dan agama Islam berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Muda et al. (2023) dan Muslim et al. (2013) telah dijadikan sebagai rujukan. Berdasarkan kajian-kajian berkenaan, senarai item bagi konstruk pengetahuan mengenai unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan adalah terdiri daripada peruntukan yang berkaitan dengan agama Islam, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa bumiputera serta institusi Yang di-Pertuan Agong.

Kefahaman pula dapat didefinisikan sebagai proses mendapatkan pandangan tentang diri sendiri atau orang lain atau memahami maksud atau kepentingan sesuatu, seperti perkataan, konsep, hujah atau peristiwa (APA 2015). Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Muslim et al. (2013), konstruk kefahaman mengenai unsur tradisi mempunyai kaitan rapat dengan konstruk pengetahuan mengenai unsur tradisi. Hal ini adalah kerana konstruk kefahaman terhadap unsur tradisi merupakan penjelasan rasional kepada item-item yang disenaraikan di bawah konstruk pengetahuan mengenai unsur tradisi. Justeru konstruk kefahaman mengenai unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan melibatkan senarai item yang berkaitan dengan tujuan agama Persekutuan, kepentingan bahasa kebangsaan, tujuan kedudukan istimewa bumiputera serta kepentingan institusi Yang di-Pertuan Agong.

Menurut APA (2015), kepercayaan dapat didefinisikan sebagai penerimaan terhadap kebenaran, realiti atau keabsahan sesuatu perkara, sebagai contoh fenomena atau kebenaran seseorang, terutamanya jika melibatkan ketiadaan pembuktian. Bagi konstruk kepercayaan mengenai unsur tradisi, senarai item berkaitan pelaksanaan dasar afirmatif yang dibina oleh Muslim et al. (2012) dapat dijalankan sebagai panduan. Namun memandangkan senarai item tersebut hanya terhad kepada aspek yang berkaitan dengan kedudukan istimewa bumiputera sahaja, terdapat beberapa lagi senarai item yang berkaitan dengan kepercayaan mengenai unsur tradisi iaitu yang berkaitan dengan status agama negara (Faruqi 2008; Bari 2001), peranan bahasa kebangsaan (Tan 2005) serta konvensyen perlembagaan yang berkaitan dengan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam hal pelantikan Perdana Menteri di Malaysia (Buang 2007).

Penerimaan pula dapat didefinisikan sebagai sikap yang menggalakkan terhadap sesuatu idea, situasi, orang atau kumpulan (APA 2015). Konstruk penerimaan kepada unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berpandukan kepada item berkaitan penerimaan yang disenaraikan oleh Muda et al. (2023). Senarai item berkenaan dapat disesuaikan dengan maklumat penerimaan terhadap perkara-perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjadi tapak integrasi seperti yang dinyatakan dalam DPN 2021. Senarai item tersebut melibatkan elemen pengimbang iaitu bagi peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan agama persekutuan, bahasa kebangsaan serta kedudukan istimewa bumiputera dan kedaulatan institusi Raja-raja yang turut menjadi sebahagian daripada unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Menurut APA (2015), penghayatan dapat didefinisikan sebagai proses minda bawah sedar yang mana ciri, kepercayaan, perasaan, atau sikap individu atau kumpulan lain diasimilasikan ke dalam diri dan diterima pakai sebagai milik sendiri. Konstruk penghayatan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berpandukan kepada senarai item berdasarkan KIUTPP yang telah dibangunkan oleh Muda et al. (2023). Berdasarkan senarai berkenaan, senarai item bagi konstruk penghayatan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan dapat dikenal pasti terdiri daripada isu sensitif, identiti negara, penggunaan bahasa kebangsaan, persetujuan kedudukan istimewa bumiputera serta titah Yang di-Pertuan Agong.

METODOLOGI

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan bagi tujuan pengumpulan data adalah borang soal selidik. Menurut Hussin et al. (2014), soal selidik merupakan suatu alat yang mengandungi siri set soalan bagi membolehkan maklumat berkaitan dikumpulkan daripada responden. Borang soal selidik ini adalah berbentuk tertutup iaitu responden perlu membuat pilihan jawapan terhampir (Berawi 2017) berdasarkan skala yang telah ditetapkan. Jawapan yang diberikan dalam borang soal selidik ini adalah berdasarkan kepada laporan sendiri responden sendiri. Borang soal selidik yang dibina telah dibahagikan kepada enam bahagian seperti berikut.

JADUAL 3. Senarai Bahagian Dalam Borang Soal Selidik

Bahagian	Kandungan
Bahagian A	Jantina, Etnik, Agama, Taraf Pendidikan, Gred Jawatan, Lokasi Perkhidmatan
Bahagian B	Pengetahuan Unsur Tradisi (15 item)
Bahagian C	Kefahaman Unsur Tradisi (15 item)
Bahagian D	Kepercayaan Unsur Tradisi (7 item)
Bahagian E	Penerimaan Unsur Tradisi (5 item)
Bahagian F	Penghayatan Perlembagaan Persekutuan (8 item)

Bagi menetapkan skala pengukuran dalam borang soal selidik, kajian ini akan menggunakan skala sepuluh mata. Hal ini adalah kerana menurut Preston dan Colman (2000), responden lebih cenderung kepada soal selidik yang menggunakan skala sepuluh mata. Skala interval bagi pengetahuan, kefahaman, kepercayaan, penerimaan dan penghayatan dalam borang soal selidik akan disusun mengikut urutan menaik iaitu bermula dengan angka satu menuju ke angka sepuluh. Angka satu mewakili 'Sangat tidak tahu/Sangat tidak faham/Sangat tidak percaya/Sangat tidak terima/Sangat tidak setuju'. Manakala angka sepuluh pula mewakili 'Sangat tahu/Sangat faham/Sangat percaya/Sangat terima/sangat setuju'.

Borang soal selidik yang disediakan ini telah melalui proses kesahan kajian terlebih dahulu bagi memastikan ianya telah mengukur apa-apa perkara yang sewajarnya diukur (Shaari 2022). Hal ini adalah kerana kesahan sesuatu ukuran amat penting dalam memastikan keputusan yang diperolehi bagi sesuatu kajian adalah tepat, sah dan boleh ditafsirkan (Hussin et al. 2014). Bagi pelaksanaan kesahan muka, seramai dua orang pegawai kanan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) telah melaksanakan penilaian untuk memastikan borang soal selidik yang disediakan adalah bersesuaian dan relevan kepada para pegawai PTD yang akan menjadi responden bagi kajian ini. Kedua-dua penilai bersetuju bahawa borang soal selidik yang dibina telah menepati keempat-empat kriteria kesahan muka yang ditetapkan oleh Taherdoost (2016) iaitu kebolehlaksanaan, kebolehbacaan, gaya dan format yang konsisten serta kejelasan bahasa yang digunakan.

Menurut Hussin et al. (2014), kesahan kandungan pula dilaksanakan bagi memastikan senarai item yang diuji dapat mewakili kandungan ujian yang dibentuk bagi sesuatu tujuan pengukuran. Beliau turut menyatakan kesahan kandungan berfungsi dalam memastikan kecukupan keseluruhan kandungan yang diuji supaya dapat dibuat generalisasi. Penentuan kesahan kandungan bagi senarai item yang dibina ini perlu dinilai dan dipersetujui oleh pakar dalam bidang berkenaan (Shaari 2022). Pelaksanaan kesahan kandungan bagi senarai item

yang terkandung dalam borang soal selidik ini telah disemak dan disahkan oleh lima orang pakar dalam bidang sosiologi perlembagaan.

RESPONDEN

Populasi keseluruhan responden yang dipilih bagi pelaksanaan kajian ini iaitu penjawat awam melibatkan jumlah keanggotaan yang sangat besar serta meliputi pelbagai skim perkhidmatan yang berbeza. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk memilih satu segmen kumpulan penjawat awam yang signifikan dan relevan dengan kepentingan pelaksanaan kajian ini. Dalam hal ini, pegawai PTD telah dipilih sebagai responden bagi mewakili penjawat awam.

PTD merupakan sebahagian daripada skim perkhidmatan awam iaitu di bawah kategori Perkhidmatan Awam Am Persekutuan menurut Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan. Skim PTD digolongkan di bawah kumpulan Perkhidmatan Pengurusan dan Profesional dan diletakkan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Disebabkan hanya sebilangan kecil sahaja yang dapat memasuki skim perkhidmatan ini, PTD dianggap sebagai satu perkhidmatan yang elit dan berkuasa dalam pentadbiran negara (Abdul Hamid 1991) kerana pegawai PTD bertanggungjawab mencorakkan pentadbiran dan pembangunan kerajaan.

Kewajaran pemilihan ini adalah kerana secara umumnya, para pegawai PTD mempunyai pengetahuan asas berkenaan dengan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjadi fokus kepada pelaksanaan kajian ini. Hal ini adalah kerana berdasarkan kepada kandungan sukatan peperiksaan kemasukan ke skim PTD Gred M41 yang disusun oleh Zakaria dan Esa (2014), maklumat berkenaan sejarah pembentukan negara termasuklah kompromi antara etnik yang dicapai sewaktu era kemerdekaan dan seterusnya melahirkan kontrak sosial yang turut melibatkan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan antara soalan yang diuji dalam peperiksaan yang dijalankan terhadap para calon PTD.

Pegawai PTD juga merupakan skim perkhidmatan yang menjadi teras kepada perkhidmatan awam pada masa kini kerana skim ini berasal dari Perkhidmatan Tadbir Melayu yang ditubuhkan hasil daripada inisiatif Raja-raja Melayu menerusi persidangan Durbar pada awal tahun 1900-an (Bari 2013). Dalam hal ini, para pegawai PTD menerajui sebahagian besar jawatan-jawatan utama dan strategik dalam perkhidmatan awam (Hamsa 2016; Zainal 2016). Pegawai PTD turut bertanggungjawab dalam mengemudi dan mengetuai pentadbiran kerajaan di peringkat kementerian persekutuan, pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri di tujuh buah negeri di semenanjung serta pejabat-pejabat kedutaan Malaysia di luar negara (Gurbakhash dan Ghaus 2014).

KAJIAN RINTIS

Kajian rintis telah dilaksanakan melibatkan sebuah kementerian persekutuan serta sebuah agensi pusat yang terletak di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya. Kajian rintis ini dilaksanakan sebagai satu percubaan terhadap subjek kajian bagi meneliti kebolehpercayaan dan kesesuaian borang soal selidik serta prosedur pelaksanaan sebenar kajian yang akan dilaksanakan di lapangan (Hussin et al. 2014). Pelaksanaan kajian rintis ini melibatkan pengedaran pautan borang soal selidik secara atas talian kepada responden iaitu pegawai PTD bagi mewakili penjawat awam. Pengedaran borang soal selidik secara atas talian dapat membolehkan pengumpulan data daripada responden dilaksanakan dengan lebih pantas (Gordon 2019) disamping memudahkan responden untuk menjawab borang soal selidik berkenaan mengikut kesesuaian masa mereka sendiri (Hussin et al. 2014).

Berdasarkan kepada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada semua pegawai PTD yang bertugas di kedua-dua kementerian dan agensi berkenaan, sebanyak 37 orang responden telah memberikan maklumbalas. Jumlah tersebut adalah sesuai dengan jumlah minimum responden yang dicadangkan bagi pelaksanaan kajian rintis iaitu sekurang-kurangnya 30 orang (Berawi 2017). Jumlah berkenaan juga adalah selari dengan cadangan Johanson dan Brooks (2010) yang menyatakan jumlah 30 orang responden merupakan bilangan syor minimum yang munasabah bagi pelaksanaan sesuatu kajian rintis. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Perneger et al. (2015) yang menyatakan bahawa saiz sampel seramai 30 orang atau lebih adalah harus digunakan bagi pelaksanaan kajian rintis. Kewajaran bilangan minimum 30 orang responden bagi pelaksanaan kajian rintis ini turut mengambil kira pertimbangan bahawa jumlah keanggotaan pegawai PTD dalam perkhidmatan awam adalah bersaiz kecil (Lim 2013).

DAPATAN

Kajian rintis yang dijalankan adalah bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang dibentuk bagi mengelakkan kekeliruan dan mengenal pasti kelemahan item yang dibina (Creswell 2014). Kajian rintis ini menggunakan bilangan sebenar sampel yang telah diperolehi iaitu $n = 37$ orang responden. Maklumat pecahan responden yang terlibat mengikut demografi adalah seperti berikut.

JADUAL 4. Latar Belakang Responden Mengikut Demografi

Demografi		Pecahan Responden (%)
Jantina	Lelaki	14 (37.8)
	Perempuan	23 (62.2)
Etnik	Melayu	31 (83.8)
	Cina	1 (2.7)
	India	3 (8.1)
	Anak Negeri Sabah	2 (5.4)
Agama	Islam	34 (91.9)
	Hindu	2 (5.4)
	Kristian	1 (2.7)
Taraf Pendidikan	Doktor Falsafah (PhD)	2 (5.4)
	Sarjana	21 (56.8)
	Sarjana Muda	14 (37.8)
Gred Jawatan	M41	8 (21.6)
	M44	14 (37.8)
	M48	11 (29.7)
	M52	1 (2.7)
	M54	3 (8.1)
Lokasi Perkhidmatan	Kementerian / agensi di bawah Kementerian	37 (100)

Data yang diperoleh telah dianalisis menerusi kaedah konsistensi dalaman dan kaedah yang sering digunakan ialah melalui pengiraan indeks pekali kebolehpercayaan instrumen kajian iaitu *Cronbach Alpha*. *Cronbach Alpha* merupakan ukuran ketekalan dalaman yang digunakan bagi menunjukkan satu senarai set item berkait rapat sebagai satu kumpulan (Hussin et al. 2014). Dalam kajian rintis ini, interpretasi nilai kebolehpercayaan yang diperolehi adalah mengikut petunjuk interpretasi skor *Cronbach Alpha* oleh Bond dan Fox (2015).

JADUAL 5. Interpretasi Nilai Skor *Cronbach Alpha*

Skor <i>Cronbach Alpha</i>	Interpretasi Kebolehpercayaan
0.90 - 1.00	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.70 - 0.80	Baik dan boleh diterima
0.60 - 0.70	Boleh diterima
< 0.60	Item perlu dibaiki
< 0.50	Item perlu digugurkan

Bagi menentukan sama ada item yang dibina diterima atau disingkirkan, perbandingan nilai *Cronbach Alpha* jika item disingkirkan dibuat bagi setiap item dengan nilai *Cronbach Alpha* bagi konstruk yang terlibat. Sekiranya sesuatu item dalam konstruk mempunyai nilai *Cronbach Alpha* jika item disingkirkan lebih tinggi daripada nilai *Cronbach Alpha* bagi konstruk tersebut, maka item tersebut perlu disingkirkan (Chua 2006). Ia bererti pekali alpha tidak akan meningkat lagi dengan menyingkirkan mana-mana item dalam konstruk tersebut.

Dalam kajian rintis ini, didapati nilai *Cronbach Alpha* bagi setiap konstruk adalah di antara 0.679 hingga 0.901. Secara keseluruhannya, hasil analisis menunjukkan kesesuaian soal selidik sebagai instrumen kajian dengan nilai *Cronbach Alpha* dalam julat tersebut adalah selari dengan petunjuk interpretasi skor *Cronbach Alpha* yang ditetapkan oleh Bond dan Fox (2015).

JADUAL 6. Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Item (*Cronbach Alpha*) Setiap Konstruk

Konstruk	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	Bilangan Item
Pengetahuan Unsur Tradisi	0.887	15
Kefahaman Unsur Tradisi	0.910	15
Kepercayaan Unsur Tradisi	0.679	7
Penerimaan Unsur Tradisi	0.901	5
Penghayatan Perlembagaan Persekutuan	0.859	8

JADUAL 7. Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Item (*Cronbach Alpha*) Selepas Perbandingan Nilai *Cronbach Alpha* Jika Item Disingkirkan

Konstruk	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Asal	Bilangan Item	Cadangan Bilangan Item Disingkirkan	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Jika Item Disingkirkan
Pengetahuan Unsur Tradisi	0.887	15	-	-
Kefahaman Unsur Tradisi	0.910	15	-	-
Kepercayaan Unsur Tradisi	0.679	7	1	0.726
Penerimaan Unsur Tradisi	0.901	5	-	-
Penghayatan Perlembagaan Persekutuan	0.859	8	-	-

KONSTRUK PENGETAHUAN UNSUR TRADISI

Didapati nilai *cronbach alpha* bagi setiap setiap item adalah di antara 0.874 hingga 0.889, dengan *cronbach alpha* bagi konstruk adalah 0.887. Walaupun item B07 iaitu ‘Saya tahu teks Perlembagaan dalam bahasa kebangsaan boleh ditetapkan sebagai teks sah oleh Yang di-Pertuan Agong yang mengatasi teks Perlembagaan dalam bahasa Inggeris’ jika disingkirkan akan meningkatkan nilai *cronbach alpha* konstruk kepada 0.889, namun item ini tidak dicadangkan untuk disingkirkan kerana melibatkan perubahan nilai yang terlalu kecil.

**JADUAL 8. Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Item (*Cronbach Alpha*)
 mengikut Konstruk Pengetahuan Unsur Tradisi**

	Item	Nilai Cronbach Alpha Jika Item Disingkirkan	Nilai Cronbach Alpha	Bilangan Item
B01	Saya tahu Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di Malaysia.	0.884	0.887	15
B02	Saya tahu Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua agama Islam bagi negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.	0.882		
B03	Saya tahu undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan selain Islam kepada penganut Islam.	0.878		
B04	Saya tahu kerajaan Persekutuan atau Negeri boleh menubuhkan, menyenggara atau membantu institusi-institusi Islam, mengadakan ajaran agama Islam serta melakukan apa-apa perbelanjaan berkaitan perkara tersebut.	0.880		
B05	Saya tahu Mahkamah Tinggi sivil tidak mempunyai bidang kuasa bagi perkara yang di bawah Mahkamah Syariah.	0.879		
B06	Saya tahu bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu, tetapi tiada sesiapa boleh dilarang daripada menggunakan, mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain selain daripada maksud rasmi.	0.880		
B07	Saya tahu teks Perlembagaan dalam bahasa kebangsaan boleh ditetapkan sebagai teks sah oleh Yang di-Pertuan Agong yang mengatasi teks Perlembagaan dalam bahasa Inggeris.	0.889		
B08	Saya tahu Perlembagaan memberikan kedudukan istimewa kepada bumiputera melibatkan kuota jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa pendidikan, serta permit atau lesen.	0.874		
B09	Saya tahu Perlembagaan membenarkan kuota bagi pelajar bumiputera ditetapkan dalam mana-mana universiti, kolej dan institusi pendidikan.	0.874		
B10	Saya tahu Kerajaan hendaklah berunding dengan Majlis Raja-raja sebelum membuat apa-apa perubahan dasar yang menyentuh kedudukan istimewa bumiputera.	0.884		
B11	Saya tahu kedudukan istimewa bumiputera dalam Perlembagaan digunakan sebagai asas bagi pelaksanaan dasar afirmatif seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB).	0.879		
B12	Saya tahu Perlembagaan menetapkan keistimewaan kuota kepada Orang Asli hanya bagi aspek jawatan dalam perkhidmatan awam sahaja.	0.889		
B13	Saya tahu Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Negara Malaysia.	0.883		
B14	Saya tahu kuasa eksekutif dimiliki Yang di-Pertuan Agong dijalankan oleh Jemaah Menteri selaras dengan prinsip Raja Berperlembagaan.	0.874		
B15	Saya tahu Yang di-Pertuan Agong perlu memperkenankan pelantikan beberapa jawatan utama bagi majlis dan suruhanjaya dalam Perkhidmatan Awam.	0.874		

KONSTRUK KEFAHAMAN UNSUR TRADISI

Didapati nilai *cronbach alpha* bagi setiap setiap item adalah di antara 0.899 hingga 0.915, dengan *cronbach alpha* bagi konstruk adalah 0.910. Tiada item yang dicadangkan untuk disingkirkan dalam konstruk ini.

JADUAL 9. Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Item (*Cronbach Alpha*) mengikut Konstruk Kefahaman Unsur Tradisi

Item	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Jika Item Disingkirkan	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	Bilangan Item
C01 Saya faham Islam menjadi agama Persekutuan kerana perlembagaan negeri-negeri Melayu sebelum merdeka telah menetapkan Islam sebagai agama di peringkat negeri.	0.904	0.910	15
C02 Saya faham Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri tidak beraja kerana jawatan Yang di-Pertua Negeri (Gabenor) di negeri-negeri berkenaan boleh disandang oleh bukan Islam.	0.901		
C03 Saya faham kebebasan beragama yang dijamin oleh Perlembagaan tidak mutlak kerana undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan selain Islam di kalangan penganut Islam.	0.909		
C04 Saya faham Kerajaan boleh menubuhkan institusi yang berkaitan dengan urusan umat Islam seperti JAKIM serta membuat perbelanjaan terhadap pelaksanaan pengajaran agama Islam di sekolah kerana dibenarkan oleh Perlembagaan.	0.905		
C05 Saya faham Mahkamah Sivil tidak boleh mencampuri bidang kuasa Mahkamah Syariah bagi mengelakkan timbulnya konflik antara undang-undang sivil dengan undang-undang syariah.	0.907		
C06 Saya faham bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan bertujuan menyatupadukan rakyat melalui penggunaan satu bahasa yang sama.	0.901		
C07 Saya faham teks Perlembagaan dalam bahasa kebangsaan boleh mengatasi teks Perlembagaan dalam bahasa Inggeris kerana Perlembagaan meletakkan kedudukan bahasa Melayu lebih tinggi berbanding bahasa Inggeris.	0.915		
C08 Saya faham kedudukan istimewa bumiputera diperuntukkan dalam Perlembagaan bertujuan meningkatkan sosio-ekonomi bumiputera yang masih ketinggalan sewaktu negara mencapai kemerdekaan.	0.902		
C09 Saya faham kuota pelajar bumiputera diperuntukkan dalam Perlembagaan bertujuan menyeimbangkan nisbah pelajar bumiputera dengan bilangan pelajar bukan bumiputera di IPTA sewaktu negara mencapai kemerdekaan.	0.905		
C10 Saya faham sebarang cadangan pindaan kedudukan istimewa bumiputera perlu dirujuk kepada Majlis Raja-raja kerana Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab melindungi kedudukan istimewa bumiputera serta kepentingan sah etnik-etnik lain.	0.902		
C11 Saya faham dasar afirmatif seperti DEB dilaksanakan bukan dengan cara merampas hak milik etnik bukan bumiputera tetapi menerusi pertumbuhan ekonomi yang berkembang.	0.899		
C12	0.900		

C13	Saya faham Orang Asli turut menikmati keistimewaan bumiputera secara pentadbiran contohnya kuota dalam pendidikan.	0.905
C14	Saya faham Yang di-Pertuan Agong selaku ketua negara berfungsi sebagai simbol perpaduan yang melangkaui sempadan fahaman politik.	0.904
C15	Saya faham institusi Raja-raja berperanan dari aspek semak dan imbang terhadap kuasa eksekutif yang dijalankan oleh ahli politik.	0.905
	Saya faham Yang di-Pertuan Agong diberikan peranan untuk memperkenalkan perlantikan jawatan-jawatan utama dalam perkhidmatan awam untuk mewujudkan imej perkhidmatan awam yang bebas dan berkecuali.	

KONSTRUK KEPERCAYAAN UNSUR TRADISI

Didapati nilai *cronbach alpha* bagi setiap setiap item adalah di antara 0.597 hingga 0.726, dengan *cronbach alpha* bagi konstruk adalah 0.679. Sehubungan itu, dicadangkan supaya item D06 iaitu 'Saya percaya kuota menerusi dasar afirmatif tidak wajar terhadap kepada bumiputera sahaja tetapi perlu dilaksanakan mengikut kelas sosial kumpulan yang memerlukan tanpa mengira etnik' digugurkan kerana boleh meningkatkan nilai *cronbach alpha* kepada 0.726.

JADUAL 10. Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Item (*Cronbach Alpha*) mengikut Konstruk Kepercayaan Unsur Tradisi

Item	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Jika Item Disingkirkan	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	Bilangan Item
D01 Saya percaya Malaysia bukanlah negara sekular sepenuhnya atau Islam (teokratik) sepenuhnya tetapi campuran kedua-duanya.	0.677	0.679	7
D02 Saya percaya bahasa kebangsaan berperanan dalam memupuk satu identiti nasional yang sama dikalangan rakyat.	0.634		
D03 Saya percaya etnik Melayu merupakan penduduk asal yang wajar diberikan status bumiputera di Malaysia.	0.623		
D04 Saya percaya kedudukan istimewa bumiputera telah menambah baik sosio-ekonomi bumiputera di Malaysia.	0.597		
D05 Saya percaya kuota menerusi dasar afirmatif perlu diteruskan kepada bumiputera sahaja seperti ditetapkan Perlembagaan tetapi difokuskan kepada yang memerlukan.	0.628		
D06 Saya percaya kuota menerusi dasar afirmatif tidak wajar terhadap kepada bumiputera sahaja tetapi perlu dilaksanakan mengikut kelas sosial kumpulan yang memerlukan tanpa mengira etnik.	0.726		
D07 Saya percaya Yang di-Pertuan Agong perlu meneruskan amalan pelantikan Perdana Menteri dikalangan Ahli Parlimen Melayu/Islam bagi kestabilan negara.	0.635		

KONSTRUK PENERIMAAN UNSUR TRADISI

Didapati nilai *cronbach alpha* bagi setiap setiap item adalah di antara 0.846 hingga 0.949, dengan *cronbach alpha* bagi konstruk adalah 0.901. Tiada item yang dicadangkan untuk disingkirkan dalam konstruk ini.

**JADUAL 11. Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Item (*Cronbach Alpha*)
 mengikut Konstruk Penerimaan Unsur Tradisi**

Item	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Jika Item Disingkirkan	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	Bilangan Item
E01 Saya terima Islam sebagai agama Persekutuan turut menjamin agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai.	0.852	0.901	5
E02 Saya terima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan/bahasa rasmi turut menjamin bahasa ibunda etnik-etnik lain boleh diajar dan digunakan.	0.846		
E03 Saya terima kedudukan istimewa bumiputera turut menjamin dan melindungi kepentingan sah etnik-etnik lain.	0.878		
E04 Saya terima kedaulatan institusi Raja-raja Melayu perlu dijunjung.	0.949		
E05 Saya terima Majlis Raja-raja mempunyai kata pemutus bagi pindaan perlembagaan yang melibatkan Islam, bahasa Melayu, kedudukan istimewa bumiputera serta kedudukan Raja-raja.	0.861		

KONSTRUK PENGHAYATAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Didapati nilai *cronbach alpha* bagi setiap setiap item adalah di antara 0.816 hingga 0.877, dengan *cronbach alpha* bagi konstruk adalah 0.859. Tiada item yang dicadangkan untuk disingkirkan dalam konstruk ini. Walau bagaimanapun, sekiranya item F01 iaitu ‘Saya mengelak daripada membangkitkan isu sensitif berkaitan unsur tradisi secara terbuka’ disingkirkan, ia boleh meningkatkan nilai *cronbach alpha* konstruk kepada 0.877.

**JADUAL 12. Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Item (*Cronbach Alpha*)
 mengikut Konstruk Penghayatan Perlembagaan Persekutuan**

Item	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Jika Item Disingkirkan	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	Bilangan Item
F01 Saya mengelak daripada membangkitkan isu sensitif berkaitan unsur tradisi secara terbuka.	0.877	0.859	8
F02 Saya terbuka dengan menjadikan unsur tradisi sebagai sebahagian daripada identiti negara Malaysia.	0.854		
F03 Saya setuju penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi perlu diperkukuh dan dimartabatkan.	0.848		
F04 Saya setuju dengan pelaksanaan kuota bagi pelantikan ke perkhidmatan awam kepada bumiputera.	0.833		
F05 Saya setuju dengan pelaksanaan kuota bagi biasiswa pendidikan kepada bumiputera.	0.820		
F06 Saya setuju dengan pelaksanaan kuota bagi permit dan lesen kepada bumiputera.	0.829		
F07 Saya setuju dengan pelaksanaan kuota bagi pelajar bumiputera di IPTA.	0.816		
F08	0.850		

Saya menghormati titah perintah yang dikeluarkan
oleh Yang di-Pertuan Agong atau Majlis Raja-raja.

IMPLIKASI PENGAJIAN ETNIK

Penjawat awam mempunyai peranan yang penting bagi melaksanakan dan menjayakan beberapa dasar terkini yang telah dilancarkan oleh pihak kerajaan seperti DPN 2021, Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, Dasar Keselamatan Negara (DKN) 2021 dan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) 2019. Dasar-dasar berkenaan telah menjadikan Perlembagaan Persekutuan sebagai salah satu sumber rujukan bagi pelaksanaannya. Dalam hal ini, dasar-dasar tersebut telah menggariskan strategi-strategi yang dirancang bagi meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan terhadap Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, masalah akan timbul sekiranya penjawat awam yang bertindak sebagai pelaksana kepada dasar-dasar kerajaan tidak mempunyai penerimaan dan penghayatan terhadap peruntukan berkaitan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan yang disebabkan oleh tahap pengetahuan, kefahaman dan kepercayaan yang berlainan. Hal ini adalah kerana kesilapan dalam pelaksanaan dasar khususnya yang berkaitan dengan unsur tradisi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan boleh memberi kesan terhadap hubungan antara etnik.

Justeru bagi memastikan usaha peningkatan literasi, pemahaman dan penghayatan terhadap Perlembagaan Persekutuan dapat dilaksanakan, perhubungan antara pengetahuan, kefahaman, kepercayaan, penerimaan dan penghayatan terhadap unsur tradisi dapat dijelaskan menerusi model penyelidikan yang dicadangkan melalui kajian ini. Setiap konstruk yang terlibat dalam kerangka kajian ini juga disertakan dengan senarai item yang bersesuaian berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu sebagai panduan. Bagi memastikan kebolehpercayaan senarai item bagi setiap konstruk tersebut, *Cronbach Alpha* telah digunakan bagi mengukur ketekalan dalaman setiap item dalam instrumen kajian iaitu soal selidik yang telah dibangunkan. Sehubungan itu, kajian ini berpotensi dalam memberikan sumbangan kepada pemeraksanaan penjawat awam iaitu dari sudut literasi terhadap Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini seterusnya diharapkan akan dapat mengukuhkan lagi penyampaian perkhidmatan sektor awam secara keseluruhan.

KESIMPULAN

DPN 2021 yang dilancarkan oleh kerajaan Malaysia telah memberi penegasan terhadap penerimaan kepada perkara-perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan yang dianggap sebagai tapak integrasi bagi perpaduan. Perkara-perkara asas ini turut meliputi unsur tradisi yang melibatkan agama persekutuan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa bumiputera serta institusi Raja-raja. Kajian ini telah memberi penjelasan bahawa berdasarkan kepada dapatan kajian-kajian terdahulu sebagai panduan, senarai antededen yang dikenalpasti dapat mempengaruhi penerimaan unsur tradisi adalah aspek pengetahuan, kefahaman serta kepercayaan. Manakala pada masa yang sama penerimaan unsur tradisi turut berperanan sebagai pengantara terhadap ketiga-tiga antededen tersebut yang seterusnya dapat membawa kepada penghayatan terhadap unsur tradisi yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Menerusi analisis yang telah dilaksanakan melalui kaedah konsistensi dalaman iaitu *Cronbach Alpha*, secara umumnya soal selidik yang telah dibina sebagai instrumen kajian

adalah sesuai untuk digunakan. Hasil analisis mendapati hanya terdapat satu item sahaja yang dicadangkan untuk disingkirkan bagi memastikan nilai *Cronbach Alpha* bagi konstruk yang berkenaan dapat ditingkatkan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin memberi penghargaan kepada dana TAP-K012942 kerana menjayakan penerbitan ini.

RUJUKAN

- Abas, M. S. 1985. *Unsur-unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hamid, A. S. 1991. *Perkhidmatan Awam Yang Berkualiti*. edited by Ahmad, Z. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Aboo Talib @ Khalid, K. & Shamsul, A. B. 2020. Penutup. In *Tapak Integrasi dan Wahana Penyatupaduan Bangsa, 192–200*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, A. M. 2009. *Kontrak Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad, H. 2001. *Mandat UNESCO dan Cabaran Globalisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Ahmad Sabri, A. Z. S. 2014. *Raksa Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- American Psychological Association (APA). 2015. *APA Dictionary of Psychology (Second Edition)* edited by G. R. Vandenbos, Washington, DC: American Psychological Association.
- Azlan Shah, S. 2004. Evolving A Malaysian Nation: The Role of Law and Lawyers. In *Constitutional Monarchy, Rule of Law and Good Governance: Selected Essays and Speeches by HRH Sultan Azlan Shah*, edited by V. Sinnadurai, 330–332, Sweet & Maxwell Asia.
- Balasubramaniam, R. R. 2018. Malaysia's blocked social contract debate. In *Law and Society in Malaysia: Pluralism, Religion and Ethnicity*, edited by A. Harding & D. A. H. Shah, 18–43. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203710265>
- Bari, A. A. 2001. *Perlembagaan Malaysia : Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bari, A. A. 2005. *Politik Perlembagaan : Suatu Perbincangan Tentang Isu-isu Semasa Dari Sudut Perlembagaan dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Bari, A. A. 2008. *Perlembagaan Malaysia: Teori dan Praktis*. Arah Publications.
- Bari, A. A. 2013. *The Monarchy and the Constitution in Malaysia*. Institute For Democracy and Economic Affairs (IDEAS).
- Bari, A. A. 2016. *Perlembagaan Malaysia Suatu Pengenalan (Edisi Kedua)*. Ilham Books.
- Berawi, F. M. 2017. *Metodologi Penyelidikan Panduan Menulis Tesis*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. 2015. *Applying the Rasch model: fundamental measurement in the human sciences*, 3rd Edition. New York & London: Routledge & T. & F. Group.
- Buang, S. 2007. *Perlembagaan dan Pentadbiran : Isu Kritis*. Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka.

- Chua, Y. P. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Deraman, A. A. 2005. Pola Minda Melayu. In *Minda Melayu*, edited by A. Ridhwan, 1–16, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faruqi, S. S. 2008. *Document of Destiny : The Constitution of the Federation of Malaysia*. Star Publications (Malaysia) Berhad.
- Faruqi, S. S. 2012. *The Bedrock of Our Nation : Our Constitution*. Kuala Lumpur: Zubedy Ideahouse Sdn. Bhd.
- Gordon, L. E. 2019. *Real Research: Research Methods Sociology Students Can Use*. Sage Publication Inc.
- Gurbakhash, S. & Ghaus, F. 2014. *At The Forefront of Nation Building : Perspectives From The Administrative and Diplomatic Service*. University Teknologi MARA Press.
- Hamsa, A. 2016. *Merakytakan Perkhidmatan Awam : Koleksi Ucapan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr. Ali Hamsa*. Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri.
- Harding, A. 2012. *The Constitution of Malaysia A Contextual Analysis*. Oxford: Hart Publishing Ltd.
- Hussin, F., Ali, J. & Noor, M. S. Z. 2014. *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Jalil, F. 2007. Perlembagaan Persekutuan Menangani Cabaran Semasa dan Mendatang. In *Undang-undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman*, edited by A. Che Ngah, R. Shapiee, S. S. Ahmad Yusoff, R. Ismail, & S. Suhor, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johanson, G. A., & Brooks, G. P. 2010. Initial scale development: Sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement*, 70(3).
<https://doi.org/10.1177/0013164409355692>
- Khalid, A. Z. A., Mahmad, M. A., Yassin, K. M., Zain, A. M., Hamid, S. A., Rahman, M. N. A., Ishak, I., Adon, I., Ahmad, M., & Mohamed, Z. 2021. *Penghayatan Etika dan Peradaban*. Sintok: UUM Press.
- Lim, H. H. 2013. The Public Service and Ethnic Restructuring under the New Economic Policy : The New Challenge of Correcting Selectivity and Excess. In *The New Economic Policy in Malaysia : Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice*, edited by E. T. Gomez & J. Saravanamuttu, 175-204. Singapore: NUS Press.
- Muda, K., Mohd Tohar, S. N. A., Johari Mastor, K. A., Muslim, N., Idris, F., & Yacob, S. N. B. (2023). Pembangunan dan Pengesahan Instrumen Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Terhadap Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Persekutuan. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 31(1).
<https://doi.org/10.47836/pjssh.31.1.10>
- Muda, K., Tohar, S. N. A. M., Yacob, S. N. B., & Mastor, K. A. @ J. (2022). Kajian Netnografi Masyarakat Pelbagai Etnik di Facebook Mengenai Kajian Kontrak Sosial. *Malaysian Journal of Communication Jilid 38(2) 2022: 16-37*.
- Muslim, N. (2012). Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan terhadap hubungan etnik di Malaysia. *Kemanusiaan*, 19(2).
- Muslim, N. (2015). Level of acceptance among Public Institution of Higher Learning towards the Institution of Malay Rulers according to Federal Constitution of Malaysia.

- Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(4S1).
<https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n4s1p153>
- Muslim, N. 2020. *Islam dan Melayu Dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia* (Edisi Kedua). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muslim, N., Hasan, W. Z. W., Alias, J., & Mat, N. (2013). Mean analysis of student's levels of knowledge, understanding and acceptance towards provisions of Islam and Malay in federal constitution from the perspective of ethnic relation in Malaysia. *World Applied Sciences Journal*, 22(3). <https://doi.org/10.5829/idosi.wasj.2013.22.03.1752>
- Muslim, N., Ibrahim, R., Buang, A. H., Hassan, Z., & Samian, A. L. (2012). Ethnic relations and islam in the federal constitution: An analysis on the Malaysian university students' perceptions. *International Journal of Learning*, 18(9). <https://doi.org/10.18848/1447-9494/cgp/v18i09/47731>
- Muslim, N., Kasmoo, M. A., Samian, A. L., Mohamad, Z., & Hassan, Z. (2012). Students' perception towards Malay provisions in the federal constitution in the context of ethnic relationship in Malaysia. *Research Journal of Applied Sciences*, 7(3).
<https://doi.org/10.3923/rjasci.2012.165.176>
- Muslim, N, Musa, N. Y. & Abdul Razak, A. 2021. Perlembagaan Persekutuan Sebagai Tapak Integrasi, Wahana Etika dan Peradaban. In *Penghayatan Etika dan Peradaban*, edited by A. Abdul Razak, N. A. Yusoff, & Z. Embong, 99-124, Penerbit UMK.
- Perneger, T. V., Courvoisier, D. S., Hudelson, P. M., & Gayet-Ageron, A. 2015. Sample size for pre-tests of questionnaires. *Quality of Life Research*, 24(1).
<https://doi.org/10.1007/s11136-014-0752-2>
- Preston, C. C., & Colman, A. M. 2000. Optimal number of response categories in rating scales: Reliability, validity, discriminating power, and respondent preferences. *Acta Psychologica*, 104(1). [https://doi.org/10.1016/S0001-6918\(99\)00050-5](https://doi.org/10.1016/S0001-6918(99)00050-5)
- Ramli, A. H. 2015. *Perlembagaan Malaysia: Isu dan Persoalan Hubungan Kaum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaari, A. S. 2022. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan Kuantitatif*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Shamsul, A. B. 2012. *Modul Hubungan Etnik Edisi Kedua*. Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Smith, M. U., & Siegel, H. 2004. Knowing, Believing, and Understanding: What Goals for Science Education? *Science & Education*, 13(6).
<https://doi.org/10.1023/b:sced.0000042848.14208.bf>
- Smith, M. U., & Siegel, H. 2016. On the Relationship Between Belief and Acceptance of Evolution as Goals of Evolution Education: Twelve Years Later. *Science and Education*, 25(5–6). <https://doi.org/10.1007/s11191-016-9836-4>
- Taherdoost, H. 2016. Validity and Reliability of the Research Instrument ; How to Test the Validation of a Questionnaire / Survey. *International Journal of Academic Research in Management*, 5(3).
- Tan, Y. S. 2005. *Politik Dongjiaozong Dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960-1982)*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Yaakop, M. R & A. Aziz, S. 2014. *Kontrak Sosial Perlembagaan Persekutuan 1957: Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Zainal, M. Z. 2016. *Lakaran Kembara Transformasi Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,.
- Zakaria, M. & Esa, M. S. 2014. *Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41*. Freemind



Horizons Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Journal of Ethnic and Diversity Studies
(JOEDS) Volume 2, Issue 1